

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

BOI 112/4 - Ekologi Asas

Masa : [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. Terangkan dengan ringkas:
 - (i) Ciri-ciri komuniti klimaks. (5 markah)
 - (ii) Strategi organisma perintis. (5 markah)
 - (iii) Model Organisma dan Model Individu dalam konsep komuniti. (5 markah)
 - (iv) Hubungkait antara heterozigositi dengan kecocokan organisma. (5 markah)

2. Dengan bantuan gambarajah, huraikan kitar nitrogen. (20 markah)

3. Anda telah dilantik sebagai salah seorang juru runding dalam usaha menyelamatkan Hutan Bukit Telaga Batu daripada dibangunkan. Salah satu tanggungjawab anda ke arah usaha ini adalah untuk menganggar kepadatan haiwan mamalia kecil di kawasan tersebut. Melalui kepakaran anda dalam kaedah persampelan populasi, bincangkan persampelan yang paling sesuai digunakan untuk tujuan tersebut. (20 markah)

4.
 - (i) Bincangkan faktor-faktor penghad yang mempengaruhi taburan biom dunia. (10 markah)

 - (ii) Senaraikan perbezaan antara persekitaran lotik dan persekitaran lentik bagi ekosistem air tawar. (10 markah)

5. Dengan menggunakan gambarajah berlabel, tuliskan nota ringkas mengenai tajuk-tajuk berikut:

(i) Fenomena Termoklin.

(7 markah)

(ii) Pengkelasan habitat lautan berdasarkan kedalaman.

(13 markah)

6. Pada zaman pembangunan dan kemajuan ini, aktiviti manusia telah banyak dikaitkan dengan kemusnahan habitat serta juga ekosistem secara am. Nyatakan jenis-jenis aktiviti berkenaan dan bincangkan kesan dan akibatnya.

(20 markah)

- oooOooo -